

# SIJIL TAKAFUL KELUARGA ETIQA

## ETIQA CRITICAL CARE TAKAFUL PLUS

<b>Sijil ini adalah keseluruhan kontrak antara Anda dengan Kami</b>	<p>Sijil ini merupakan keseluruhan kontrak antara Anda dengan Kami, dan terdiri daripada:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1) Sijil ini;</li><li>2) Borang permohonan;</li><li>3) Sijil Takaful;</li><li>4) Penyata Maklumat Sijil; dan</li><li>5) Apa-apa Endorsemen yang boleh Kami keluarkan berhubung dengan Sijil ini.</li></ol> <p>Apa-apa perubahan pada Sijil ini mestilah terkandung dalam Endorsemen yang disahkan oleh Etika Family Takaful Berhad.</p> <p>Memandangkan ini ialah kontrak sah antara Anda dengan Kami, sila baca Sijil Anda dengan teliti dan pastikan pelan Takaful ini memenuhi keperluan Anda.</p>
---	---

### PENYATA MAKLUMAT SIJIL

<b>Pertukaran alamat</b>	Sila maklumkan Kami dengan segera tentang pertukaran alamat Peserta atau Penama, untuk memastikan tidak ada gangguan komunikasi dari Kami kepada Anda dan Penama.
<b>Kegagalan membayar Sumbangan</b>	Setiap Peserta mempunyai kewajipan untuk membayar Sumbangan kepada Kami, menurut mod Sumbangan dan terma-terma lain yang dipersetujui antara Peserta dan Kami. Anda diberi Tempoh Tangguh tiga puluh satu (31) hari untuk membayar Sumbangan yang perlu dibayar. Jika Kami tidak menerima Sumbangan Anda dalam Tempoh Tangguh, Sijil Anda mungkin Luput, kecuali seperti yang dinyatakan di bawah Peruntukan Sumbangan, Luput dan Penamatan.
<b>Pembayaran Sumbangan</b>	Sumbangan tersebut dibayar melalui pemotongan daripada akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Peserta, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat KWSP. Manakala, bagi Peserta yang berumur lima puluh lima (55) tahun dan ke atas, yang mempunyai kekurangan dana di dalam akaun KWSP, Anda boleh membayar Sumbangan secara: <ol style="list-style-type: none"><li>1) Perbankan atas talian;</li><li>2) Kad kredit;</li><li>3) Kad debit; atau</li><li>4) Perkhidmatan auto debit akaun perbankan.</li></ol> <p>Sekiranya cara pembayaran Sumbangan atas dipilih, pengembalian ke akaun KWSP tidak dibenarkan. Kami berhak untuk mempelbagaikan kaedah pembayaran dari masa ke masa, yang akan dimaklumkan kepada Anda melalui saluran-saluran atau medium-medium yang akan Kami tentukan.</p>
<b>Hak untuk menamatkan Sijil</b>	Peserta boleh memberi notis untuk menamatkan Sijil, atas apa jua sebab. Sekiranya penamatan semasa Tempoh Percuma selama lima belas (15) hari, Kami akan membatalkan Sijil ini dan mengembalikan Sumbangan yang diterima oleh Kami. Bagi pembatalan sijil yang diminta oleh Orang Utama Yang Dilindungi dalam Tempoh Percuma, Kami akan menamatkan Sijil ini dan mengembalikan jumlah Sumbangan telah diterima di bawah Pakej Keluarga kepada Anda. Notis mestilah diterima oleh Kami semasa Tempoh Percuma. Sijil juga akan dianggap telah diterima oleh Kami pada tarikh ia dihantar secara peribadi, tarikh penghantaran sekiranya dihantar menggunakan pos berdaftar, atau tarikh transmisi sekiranya transmisi secara elektronik digunakan. Sekiranya penamatan selepas Tempoh Percuma, Peserta mungkin akan menerima lebihan DRP, jika ada. Bagi pembatalan sijil yang diminta oleh Orang Utama Yang Dilindungi selepas Tempoh Percuma, Kami akan menamatkan Sijil ini di bawah Pakej Keluarga. Sekiranya pembayaran Sumbangan untuk Sijil kepada Kami tidak berjaya, Kami mempunyai hak untuk membatalkan Sijil tersebut dari hari permohonan tersebut diterima.

<b>Hak untuk menamakan Manfaat Takaful</b>	<p>Sekiranya Peserta adalah Orang Yang Dilindungi, Peserta bagi Sijil boleh menamakan seseorang untuk menerima Manfaat Takaful yang akan dibayar apabila berlaku kematian Orang Yang Dilindungi, sama ada sebagai wasi untuk mengagihkan Manfaat Takaful yang perlu dibayar kepada harta pusaka Peserta mengikut undang-undang yang berkenaan, atau sebagai benefisiari di bawah Hibah Bersyarat.</p> <p>Penamaan mestilah didaftarkan dengan Kami, dan boleh dibuat:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Semasa permohonan; atau</li> <li>2) Dengan memaklumkan Kami secara bertulis, pada bila-bila masa selepas Sijil dikeluarkan.</li> </ol> <p>Peserta boleh menentukan bahagian pengagihan Manfaat Takaful untuk dibayar kepada setiap wasi atau benefisiari. Jika tiada arahan pengagihan diterima, Kami akan membayar wasi atau benefisiari secara sama rata.</p> <p>Penamaan benefisiari di bawah Hibah Bersyarat hendaklah, tanpa mengambil kira mana-mana undang-undang bertulis, mempunyai kesan terhadap pemindahan hak terhadap Manfaat Takaful yang akan dibayar kepada benefisiari apabila berlakunya kematian Peserta. Pemindahan Manfaat Takaful tersebut tidak akan membentuk sebahagian daripada harta pusaka Peserta, atau tertakluk kepada hutang mereka.</p> <p>Selepas pembayaran Manfaat Takaful, Kami akan dilepaskan dari sebarang liabiliti selanjutnya di bawah Sijil ini.</p>
<b>Hak untuk membatalkan penamaan</b>	<p>Penamaan akan dibatalkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Apabila Penama meninggal dunia, atau jika terdapat lebih daripada seorang penama, kesemua Penama meninggal dunia semasa Anda masih hidup;</li> <li>2) Melalui notis bertulis daripada Peserta kepada Kami; atau</li> <li>3) Melalui penamaan berikutnya yang dilakukan oleh Peserta kepada Kami.</li> </ol> <p>Tertakluk kepada perkara di atas, penamaan tidak akan dibatalkan melalui wasiat atau dengan apa-apa tindakan, peristiwa atau cara-cara lain.</p> <p>Sekiranya terdapat lebih daripada satu Penama dan salah seorang daripada Penama yang dinamakan sebagai benefisiari di bawah Hibah Bersyarat meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Peserta, Kami akan membayar bahagian Penama yang telah meninggal dunia kepada estet Peserta tersebut jika Peserta meninggal dunia, kecuali jika Peserta telah membuat penamaan bagi menggantikan bahagian Penama yang telah meninggal dunia tersebut.</p>
<b>Ilustrasi Pemasaran</b>	<p>Sebarang ilustrasi pemasaran yang Anda telah terima adalah sebagai rujukan sahaja untuk Anda fahami Manfaat, terma dan syarat Sijil ini.</p> <p>Ilustrasi pemasaran tidak bertujuan menjadi kontrak yang sah di antara Anda dan Kami.</p>
<b>Alamat Ibu Pejabat Kami</b>	<p>Alamat Ibu Pejabat Kami adalah:</p> <p>Etiqa Family Takaful Berhad  Tingkat 19, Menara C,  Dataran Maybank,  No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur.  Nombor Telefon: 03-2297 3888  Nombor Faksimili: 03-2297 3800  E-mel: <a href="mailto:info@etiqa.com.my">info@etiqa.com.my</a></p>
<b>Proses tuntutan dan bagaimana membuat tuntutan</b>	<p>Pihak Menuntut hendaklah memaklumkan kepada Kami mengenai suatu tuntutan bagi apa-apa Manfaat Takaful dengan menulis ke alamat Kami, dalam tempoh masa pemberitahuan notis. Pemberitahuan tuntutan mestilah termasuk mengemukakan bukti umur Orang Yang Dilindungi seperti salinan kad pengenalan, pasport, dan dokumen-dokumen tuntutan yang lain. Tempoh notis tuntutan dan pendokumentan tuntutan adalah khusus kepada jenis Manfaat Takaful mengikut terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil.</p> <p>Notis tuntutan boleh dikemukakan selepas tempoh masa pemberitahuan notis, jika ia boleh dibuktikan notis tersebut telah diserahkan seberapa segera yang mungkin.</p> <p>Sekiranya sebarang bantuan diperlukan apabila membuat tuntutan, Pihak Menuntut perlu menghubungi Etiqa Oneline di 1-300-13-8888.</p> <p>Dokumen tambahan mungkin akan diminta oleh Kami semasa Pihak Menuntut memaklumkan Kami mengenai tuntutan, atau selepas penilaian awal dokumen yang disertakan dengan borang tuntutan. Pihak Menuntut akan dimaklumkan secara bertulis mengenai sebarang keperluan dokumen tambahan.</p> <p>Dokumen bagi menyokong tuntutan hendaklah disediakan atas tanggungan Pihak Menuntut.</p> <p>Setelah semua dokumen diterima oleh Kami, Kami akan menerima atau menolak tuntutan untuk manfaat mengikut terma dan syarat Sijil. Keputusan tuntutan oleh Kami akan dimaklumkan kepada Pihak Menuntut secara bertulis. Kami berhak untuk menolak apa-apa caj yang berkenaan dan amaun yang tertunggak sebelum membayar tuntutan bagi Sijil ini.</p>

<b>Bagaimana untuk menghubungi Kami</b>	Jika Anda perlu menghubungi Kami, mempunyai apa-apa soalan berkaitan Sijil, atau perlu mengubah kandungan Sijil, sila menulis ke alamat pos Kami di Etiqa Family Takaful Berhad, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, atau faksimili ke 03-2297 3800, atau e-mel ke <a href="mailto:info@etiqacom.my">info@etiqacom.my</a> , atau hubungi di 03-2297 3888, atau hubungi Etiqa Oneline di 1-300-13-8888.
<b>Bagaimana untuk membuat aduan kepada Kami</b>	Jika Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan perkhidmatan Kami di bawah Sijil ini, sila menulis ke alamat pos Kami: Unit Pengurusan Aduan, Etiqa Family Takaful Berhad, Aras 6, Menara B, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur; faksimili ke 03-2297 1919, atau e-mel ke <a href="mailto:complaint_cmu@etiqacom.my">complaint_cmu@etiqacom.my</a> . Nombor telefon Kami adalah 1-300-13-8888 (untuk pemanggil luar negara, nombor talian adalah +603-2780 4500).
<b>Bagaimana untuk membuat aduan kepada pengawal selia kerajaan</b>	Jika Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan cara pengendalian Kami, sila tulis kepada BNM, termasuk butir-butir cara pengendalian, jenis pertikaian, nama Kami, nombor Sijil, dan apa-apa surat-menjurat di antara Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami. Alamat pos bagi menulis ke BNM adalah: Pengarah, Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah, Bank Negara Malaysia, Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur; faksimili kepada 03-2174 1515, atau e-mel di <a href="mailto:bnmlink@bnm.gov.my">bnmlink@bnm.gov.my</a> . Nombor telefon BNM adalah 1-300-88-5465.
<b>Bagaimana untuk menyelesaikan pertikaian melalui pengantara</b>	Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Peserta, sekiranya Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan keputusan Etiqa Family Takaful Berhad terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Etiqa Family Takaful Berhad untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi OPK melalui:  Emel : <a href="mailto:enquiry@ofs.org.my">enquiry@ofs.org.my</a> atau Faks : 603-2272 1577 atau Alamat Pos: Ketua Pegawai Eksekutif, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No.4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000, Kuala Lumpur.  Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Peserta boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat OPK. OPK perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad dari Etiqa Family Takaful Berhad berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Peserta. Untuk maklumat lanjut mengenai OPK, sila dapatkan risalah daripada Etiqa Family Takaful Berhad atau layari laman web OPK di <a href="http://www.ofs.org.my">www.ofs.org.my</a> . Penglibatan OPK adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut seksyen 138 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Menghubungi OPK tidak akan menjelaskan hak Pihak Menuntut atau Peserta untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Etiqa Family Takaful Berhad sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh OPK.
<b>Bagaimana untuk menyelesaikan pertikaian melalui penimbangtara</b>	Jika Pihak Menuntut atau Peserta mempertikaikan keputusan yang telah Kami buat berkaitan dengan Sijil ini, dan tidak mahu untuk menggunakan pengantara bagi pertikaian itu, atau tidak menerima keputusan OPK selepas pengantara, Pihak Menuntut atau Peserta boleh merujuk kepada penimbangtara. Permohonan untuk rujukan hendaklah dibuat dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada pemberitahuan keputusan tersebut.  Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami akan sama-sama bersetuju untuk melantik seorang Penimbangtara. Jika Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami tidak dapat bersetuju dengan seorang Penimbangtara dalam tempoh satu (1) bulan notis timbangtara, maka Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami perlu melantik seorang Penimbangtara bagi setiap pihak, dan kedua-dua Penimbangtara akan melantik seorang pengadil. Pengadil hendaklah bersidang bersama Penimbangtara dan mempengerusikan persidangan mereka. Semua pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh pihak-pihak berkenaan yang membuat pelantikan tersebut.  Penimbangtara (dalam hal di mana Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami bersetuju untuk seorang Penimbangtara), atau Penimbangtara-Penimbangtara dan pengadil (dalam hal di mana Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami tidak bersetuju dengan seorang Penimbangtara), hendaklah mengkaji semula pertikaian itu dan membuat keputusan. Keputusan timbangtara akan merangkumi penyelesaian pertikaian dan kos timbangtara. Keputusan timbangtara tidak boleh dipertikaikan dan mengikat kedua-dua pihak iaitu Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami.

Nota: Untuk keterangan lanjut, sila rujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat menyeluruh di bawah Sijil.

## DEFINISI UMUM

Seksyen ini mengenal pasti dan mendefinisikan frasa, perkataan atau singkatan yang umum di seluruh Sijil. Definisi ini dikenal pasti dalam huruf besar. Jika definisi ini disediakan dalam bentuk tungal, tafsiran itu termasuk kata bilangan atau sebaliknya mengikut konteks yang bersetujuan.

<b>Frasa, Perkataan atau Singkatan Umum</b>	<b>Definisi</b>
<b>Kemalangan</b>	Kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, bersifat ganas, tidak dijangka dan tidak dirancang yang mengakibatkan kecederaan anggota badan luaran dan dapat dilihat.
<b>Aktiviti Kehidupan Harian</b>	<p>Aktiviti Kehidupan Harian adalah seperti yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li><b>1) Pemindahan</b> Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal;</li> <li><b>2) Pergerakan</b> Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke satu bilik tanpa memerlukan apa-apa bantuan fizikal;</li> <li><b>3) Perihal Mengawal</b> Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri;</li> <li><b>4) Pemakaian</b> Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain;</li> <li><b>5) Mandi atau Membersihkan Diri</b> Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain; dan</li> <li><b>6) Makan</b> Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.</li> </ol>
<b>Penimbangtara</b>	Pihak bebas, yang dilantik untuk mengadili dalam menyelesaikan pertikaian antara Pihak Menuntut dan Kami, sebagai alternatif kepada mahkamah. Penimbangtara adalah selain daripada BNM dan OPK.
<b>Bank Negara Malaysia, atau BNM</b>	Badan kerajaan yang utama di Malaysia yang bertanggungjawab dalam mengawal selia pengendali Takaful. Biro Perkhidmatan Pelanggan BNM menyediakan ruang kepada sesuatu pihak untuk memfailkan aduan terhadap sebarang salah laku atau amalan pasaran yang tidak adil oleh Kami.
<b>Sijil</b>	Dokumen ini, atau apa-apa Endorsemen yang dikenalpasti sebagai berkaitan rapat dengan dokumen ini.
<b>Ulang Tahun Sijil</b>	Ulang tahun Tarikh Permulaan.
<b>Tahun Sijil</b>	Tempoh satu (1) tahun yang bermula dari Tarikh Permulaan, atau Ulang Tahun Sijil berikutnya.
<b>Pihak Menuntut</b>	Peserta, Orang Yang Dilindungi atau Penama Sijil ini, yang berhak untuk menuntut Manfaat Takaful, mengikut terma-terma dan syarat-syarat Sijil.
<b>Tarikh Permulaan</b>	Tarikh terawal di mana Orang Yang Dilindungi layak menerima Manfaat Takaful mengikut terma-terma dan syarat-syarat Sijil. Tarikh Permulaan dinyatakan di dalam Sijil Takaful.
<b>Hibah Bersyarat</b>	Hibah adalah pemindahan hak milik sesuatu aset daripada suatu pihak kepada pihak lain tanpa sebarang balasan atau ganjaran. Berhubung dengan bayaran Manfaat Takaful, Hibah Bersyarat adalah pemindahan hak milik Manfaat Takaful yang perlu dibayar kepada Benefisiari apabila kematian Orang Yang Dilindungi, yang juga Peserta, semasa Sijil masih Berkaukuasa.
<b>Sumbangan</b>	Jumlah wang yang dibayar secara tetap oleh Peserta kepada Kami, mengikut terma-terma dan syarat-syarat Sijil.
<b>Diagnosis</b>	Kesimpulan definitif yang diterima setelah pemeriksaan perubatan yang terperinci yang terbukti secara klinikal, radiologi, makmal atau bukti histologi yang diperlukan oleh Kami.
<b>Endorsemen</b>	Perubahan terhadap Sijil. Endorsemen akan dimaklumkan dan dikeluarkan oleh Kami kepada Anda.
<b>Tarikh Tamat Tempoh</b>	Tarikh terakhir di mana Orang Yang Dilindungi layak menerima Manfaat Takaful mengikut terma-terma dan syarat-syarat Sijil. Tarikh Tamat Tempoh dinyatakan di dalam Sijil Takaful.

<b>Pakej Keluarga</b>	Satu pakej Takaful untuk keluarga. Orang Yang Dilindungi di bawah Pakej Keluarga dinyatakan di dalam Sijil Takaful.
<b>Tempoh Percuma</b>	Tempoh lima belas (15) hari bermula apabila Sijil telah diterima oleh Peserta.
<b>Tempoh Tangguh</b>	Tempoh masa tambahan yang diberikan kepada Peserta untuk membayar Sumbangan yang perlu dibayar. Tempoh Tangguh di bawah Sijil ini adalah tiga puluh satu (31) hari dari tarikh Sumbangan tersebut perlu dibayar.
<b>Hospital</b>	<p>Institusi berdaftar di bawah penyeliaan Pakar Perubatan, ditubuhkan untuk tujuan menyediakan rawatan dan penjagaan pesakit yang sakit atau tercedera di atas katil berbayar, dan mempunyai kemudahan untuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Menyediakan perkhidmatan kejururawatan dua puluh empat (24) jam oleh jururawat berdaftar dan berijazah; dan</li> <li>2) Diagnosis dan Pembedahan utama.</li> </ol> <p>Hospital secara jelasnya bukan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Terutamanya sebuah klinik;</li> <li>2) Rumah pemulihan, penjagaan atau rehat pulih;</li> <li>3) Pusat pemulihan bagi penagih alkohol atau dadah; atau</li> <li>4) Rumah untuk orang tua atau uzur.</li> </ol>
<b>Berkuatkuasa</b>	<p>Status bagi Sijil yang menunjukkan kelayakan Peserta untuk Manfaat Takaful mengikut terma-terma dan syarat-syarat Sijil ini. Sijil ini berstatus Berkuatkuasa pada masa tertentu jika pada masa itu semua syarat yang berikut dipenuhi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Kami telah mengeluarkan Sijil kepada Peserta;</li> <li>2) Orang Yang Dilindungi masih hidup;</li> <li>3) Sumbangan yang perlu dibayar untuk Sijil telah diterima oleh Kami dalam Tempoh Tangguh, atau pengembalian semula Sijil oleh Kami mengikut terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil ini;</li> <li>4) Kelayakan Peserta terhadap Manfaat Takaful tersebut belum ditamatkan atau dibatalkan, mengikut terma-terma dan syarat-syarat Sijil; dan</li> <li>5) Belum melebihi Tarikh Tamat Tempoh.</li> </ol>
<b>Tarikh Dikeluarkan</b>	Tarikh di mana Sijil telah dikeluarkan oleh Kami. Tarikh Dikeluarkan dinyatakan di dalam Sijil Takaful.
<b>Ju'alah</b>	<p>Perkataan Arab yang bermaksud kontrak upah. Ia adalah kontrak pertukaran untuk tugas yang diketahui atau tidak diketahui yang sukar untuk ditentukan dan pembayaran perlu dibuat sebaik sahaja tugas tersebut disempurnakan.</p> <p>Berkenaan dengan kontrak Takaful, ini merujuk kepada asas pengagihan perkongsian lebihan daripada DRP yang dipersetujui antara Pengendali Takaful dan Peserta.</p>
<b>Luput</b>	Sijil akan mempunyai status Luput apabila Sumbangan-Sumbangan yang perlu dibayar tidak diterima oleh Kami dalam Tempoh Tangguh.
<b>Maklumat Material</b>	<p>Sebarang maklumat (termasuk laporan), jawapan, dan pendedahan yang dikemukakan oleh Peserta atau Orang Yang Dilindungi, atau pihak ketiga bagi piyah Peserta atau Orang Yang Dilindungi, yang mana:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Berkenaan dengan Orang Yang Dilindungi atau Peserta; dan</li> <li>2) Diberi sebelum Tarikh Dikeluarkan atau tarikh Endorsemen terbaru.</li> </ol>
<b>Penama</b>	Orang yang dinamakan oleh Anda untuk menerima Manfaat Takaful yang perlu dibayar di bawah Sijil setelah kematian Orang Yang Dilindungi. Penamaan mestilah didaftarkan dengan Kami.
<b>Ombudsman Perkhidmatan Kewangan, atau OPK</b>	Sebuah badan bebas yang ditubuhkan bagi membantu menyelesaikan pertikaian di antara Pihak Menuntut dan Kami, sebagai alternatif kepada mahkamah.
<b>Peserta, atau Anda</b>	Entiti atau orang yang dinamakan sebagai Peserta di dalam Sijil Takaful. Peserta mempunyai hak penuh ke atas Sijil.
<b>Dana Risiko Peserta, atau DRP</b>	Akaun di mana bahagian Tabarru' bagi Sumbangan digunakan untuk tujuan memenuhi Manfaat Takaful yang telah dikenalpasti dalam terma dan syarat Sijil tersebut. Ia dimiliki sepenuhnya oleh sekumpulan Peserta Takaful.
<b>Orang Yang Dilindungi</b>	Orang yang dinamakan sebagai Orang Yang Dilindungi di dalam Sijil Takaful. Orang Yang Dilindungi tidak mempunyai apa-apa hak ke atas Sijil melainkan Orang Yang Dilindungi juga adalah Peserta.

<b>Data Peribadi</b>	Membawa maksud yang sama seperti di bawah seksyen 4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Data Peribadi merujuk kepada maklumat, laporan, jawapan, dan pendedahan yang dikemukakan oleh Peserta atau Orang Yang Dilindungi atau pihak ketiga bagi pihak Peserta atau Orang Yang Dilindungi, yang berkenaan dengan Orang Yang Dilindungi atau Peserta. Data Peribadi tidak termasuk maklumat, laporan, jawapan, dan pendedahan yang berada dalam domain awam.
<b>Keadaan Sedia Ada</b>	Satu Keadaan Perubatan di mana Orang Yang Dilindungi dianggap mempunyai pengetahuan yang munasabah berdasarkan mana-mana yang berikut berlaku sebelum Tarikh Dikeluarkan atau tarikh Pengembalian Semula yang terkini bagi Sijil: <ol style="list-style-type: none"><li>1) Orang Yang Dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan untuk Keadaan Perubatan;</li><li>2) Nasihat perubatan, Diagnosis, penjagaan atau rawatan yang telah disyorkan;</li><li>3) Gejala yang jelas dan nyata dapat atau telah dilihat dengan ketara; atau</li></ol> Kewujudan Keadaan Perubatan tersebut adalah jelas kepada orang yang berfikiran waras dalam keadaan tersebut.
<b>Orang Utama Yang Dilindungi</b>	Salah seorang orang yang dilindungi di bawah Pakej Keluarga. Orang Utama Yang Dilindungi juga merupakan peserta kepada semua sijil di bawah Pakej Keluarga. Orang Utama Yang Dilindungi bagi Sijil ini, jika ada, dinyatakan di dalam Sijil Takaful.
<b>Qard</b>	Qard, dalam konteks Sijil ini, bermaksud pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh Pengendali Takaful kepada Dana Risiko Peserta apabila ia tidak mencukupi untuk memenuhi obligasi Takaful. Pinjaman akan dibayar melalui lebihan masa hadapan daripada Dana Risiko Peserta.
<b>Siuman</b>	Keadaan fikiran yang membenarkan pandangan, tingkah laku, dan interaksi sosial yang normal. Seseorang tidak dianggap sebagai Siuman jika orang itu: <ol style="list-style-type: none"><li>1) Telah diperakui sebagai tidak siuman oleh pakar psikiatri, di mana pakar psikiatri dilesenkan dan diiktiraf sebagai pakar psikiatri di Malaysia; dan</li><li>2) Sedang menjalani rawatan biasa oleh pakar psikiatri untuk punca, keadaan atau akibat yang secara langsung berkaitan dengan ketidaksiuman.</li></ol>
<b>Jumlah Yang Dilindungi</b>	Jumlah perlindungan Takaful yang disediakan di bawah Sijil. Jumlah Yang Dilindungi dinyatakan di dalam Sijil Takaful.
<b>Tabarru'</b>	Tabarru' ialah perkataan Arab yang bermaksud derma, hadiah atau sumbangan. Dalam Sijil Takaful Keluarga, ini bermakna Sumbangan untuk tujuan Takaful. Bahagian ini disimpan dalam DRP.
<b>Takaful</b>	Perkataan Arab yang bermaksud kepada bantuan bersama berdasarkan semangat persaudaraan dan perpaduan, di mana Peserta bersetuju untuk membantu satu sama lain dari segi kewangan sekiranya memerlukan keperluan tertentu.
<b>Manfaat Takaful, atau Manfaat</b>	Nama kolektif bagi bayaran yang dibuat tertakluk kepada terma dan syarat di bawah seksyen Manfaat Takaful dalam Sijil ini.
<b>Wakalah</b>	Wakalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melakukan tugas-tugas tertentu berkenaan hal-hal yang dapat dipertanggungjawabkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang fi. Dalam konteks Sijil ini, ia bermakna Anda telah melantik Pengendali Takaful untuk melabur dan menguruskan Dana Risiko Peserta (DRP) bagi pihak Anda. Anda juga telah membenarkan Pengendali Takaful untuk mewakilkan hak, tugas dan kewajipan Pengendali Takaful kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pengendali Takaful. Pengendali Takaful akan bertanggungjawab ke atas semua hak, kewajipan dan tanggungjawab tersebut kepada Anda sepanjang tempoh delegasi tersebut.
<b>Fi Wakalah</b>	Sebahagian daripada Sumbangan yang digunakan untuk menanggung perbelanjaan Kami mengedar dan menguruskan Sijil dan Dana Risiko Peserta bagi pihak Peserta.
<b>Kami (Pengendali Takaful)</b>	Etiqa Family Takaful Berhad.

## TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT UMUM

<b>Asas kontrak</b>	Sijil, Sijil Takaful dan Endorsemen, jika ada, adalah bukti kontrak di antara Peserta dan Kami. Permohonan yang dibuat kepada Kami, dan apa-apa maklumat tambahan yang didedahkan kepada Kami berkaitan dengan perlindungan Takaful ini akan menjadi sebahagian daripada kontrak ini.
<b>Tajuk dan jadual</b>	Melainkan dinyatakan sebaliknya, tajuk dan jadual dalam Sijil dimasukkan untuk kemudahan sahaja, dan tidak akan menjelaskan tafsiran Sijil.

<b>Bagaimana untuk menghubungi Kami</b>	Jika Anda perlu menghubungi Kami, atau mempunyai apa-apa soalan berkaitan Sijil, atau perlu mengubah kandungan Sijil, sila hubungi Etqa Family Takaful Berhad dengan menulis ke alamat di Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, faksimili ke 03-2297 3800, atau e-mel Kami di <a href="mailto:info@etqa.com.my">info@etqa.com.my</a> . Anda boleh hubungi Etqa Online di 1300-13-8888.
<b>Matawang untuk semua bayaran</b>	Semua bayaran di bawah Sijil hendaklah dibuat dalam mata wang sah Malaysia.
<b>Undang-undang berkenaan</b>	Sijil hendaklah ditafsirkan dan dikawal oleh undang-undang Malaysia.
<b>Perubahan dalam percuakan, peraturan dan perundangan</b>	Kami boleh mengubah terma-terma dalam Sijil ini, jika terdapat perubahan dalam percuakan, peraturan atau perundangan yang menjelaskan Sijil ini. Kami akan memaklumkan Anda secara bertulis apabila terma-terma dalam Sijil ini perlu diubah.
<b>Klausula pengecualian dan had sekatan</b>	Sijil ini tidak akan memberi perlindungan dan pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau menyediakan apa-apa Manfaat di bawah ini sekiranya penyediaan perlindungan, pembayaran sebarang tuntutan, atau peruntukan Manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat kepada mana-mana sekatan, larangan atau halangan di bawah ketetapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat atau mana-mana negerinya, dan/atau mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkaitan. Kami boleh menamatkan Sijil ini dengan serta-merta dan selepas itu tidak perlu menjalankan apa-apa urusan perniagaan dengan Anda berkaitan dengan Sijil ini.

## HAK DAN KEWAJIPAN UMUM

<b>Prasyarat terhadap hak</b>	Pematuhan dan pelaksanaan sewajarnya bagi terma-terma dan syarat-syarat Sijil akan menjadi prasyarat terhadap hak Peserta dan Orang Yang Dilindungi di bawah Sijil.
<b>Pilihan untuk menukar Jumlah Yang Dilindungi</b>	Peserta boleh mengurangkan Jumlah Yang Dilindungi secara menulis kepada Kami, tertakluk kepada terma dan syarat Sijil.  Penambahan Jumlah Yang Dilindungi adalah tidak dibenarkan bagi pelan ini. Sekiranya Peserta ingin dapatkan Jumlah Yang Dilindungi yang lebih tinggi, Anda boleh memohon pelan baru, tertakluk kepada terma dan syarat Sijil.
<b>Hak untuk menamatkan Sijil</b>	Peserta boleh memberi notis untuk menamatkan Sijil, atas apa jua sebab.  Sekiranya penamatan semasa Tempoh Percuma selama lima belas (15) hari, Kami akan membatalkan Sijil ini dan mengembalikan Sumbangan yang diterima oleh Kami.  Bagi pembatalan sijil yang diminta oleh Orang Utama Yang Dilindungi dalam Tempoh Percuma, Kami akan menamatkan Sijil ini dan mengembalikan jumlah Sumbangan telah diterima di bawah Pakej Keluarga kepada Anda.  Notis mestilah diterima oleh Kami semasa Tempoh Percuma. Sijil juga akan dianggap telah diterima oleh Kami pada tarikh ia dihantar secara peribadi, tarikh penghantaran sekiranya dihantar menggunakan pos berdaftar, atau tarikh transmisi sekiranya transmisi secara elektronik digunakan.  Sekiranya penamatan selepas Tempoh Percuma, Peserta Peserta mungkin akan menerima lebihan DRP, jika ada.  Bagi pembatalan sijil yang diminta oleh Orang Utama Yang Dilindungi selepas Tempoh Percuma, Kami akan menamatkan Sijil ini di bawah Pakej Keluarga.  Sekiranya pembayaran Sumbangan untuk Sijil kepada Kami tidak berjaya, Kami mempunyai hak untuk membatalkan Sijil tersebut dari hari permohonan tersebut diterima.
<b>Hak untuk menamatkan kerana pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan</b>	Jika Kami mengetahui, atau mengesyaki bahawa Sijil dimanfaatkan untuk kegiatan pengubahan wang haram atau untuk membiayai keganasan, Kami berhak untuk menamatkan Sijil dengan segera. Kami akan menguruskan semua Sumbangan yang dibayar dan semua manfaat atau jumlah yang perlu dibayar berkenaan dengan Sijil ini menurut undang-undang berkaitan.
<b>Tanggungjawab untuk membetulkan kesilapan dan ralat</b>	Kami akan membetulkan apa-apa kesilapan atau ralat yang dibuat dalam Sijil sebaik sahaja Kami sedari, atau dimaklumkan mengenai kesilapan atau ralat tersebut. Pembetulan yang Kami akan buat mestilah melalui Endorsemen terhadap Sijil, dan akan hanya sah bermula dari Tarikh Permulaan Endorsemen.

<b>Hak dan tanggungjawab di bawah prinsip Takaful</b>	<p>Manfaat Takaful dan Sumbangan dibayar berdasarkan kepada Tabarru'. Manfaat Takaful dan Sumbangan dibayar mengikut terma dan syarat Sijil ini.</p> <p>Kami mempunyai hak untuk mengenakan Fi Wakalah sebagai Pengendali Takaful, yang akan ditolak daripada setiap Sumbangan yang diterima oleh Kami.</p> <p>Kami bertanggungjawab untuk melaburkan DRP mengikut prinsip Shariah.</p>
<b>Tanggungjawab dan hak terhadap perlindungan data</b>	<p>Kami dapat memproses Data Peribadi menurut seksyen 4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Kami dapat mendedahkan Data Peribadi yang dikemukakan oleh Peserta atau Orang Yang Dilindungi, sebagaimana konteks boleh diperlukan, kepada:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Etiqa Life Insurance Berhad, Etiqa Family Takaful Berhad, Etiqa Life International (L) Ltd atau Etiqa Offshore Insurance (L) Ltd;</li> <li>2) Entiti lain dalam Kumpulan Maybank;</li> <li>3) Ejen-ejen Kami yang sah dan penyedia perkhidmatan yang mana Kami mempunyai perjanjian berkontrak bersama Kami untuk beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti;</li> <li>4) Syarikat insurans atau pengendali Takaful lain dan pihak pengedar (contoh: bank, bank-bank Islam, broker insurans, broker Takaful, syarikat reinsurans, pengendali ReTakaful);</li> <li>5) Persatuan perdagangan industri seperti Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA);</li> <li>6) Peniaga dan rakan strategik Kami;</li> <li>7) Mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Peserta atau Orang Yang Dilindungi (dari semasa ke semasa); atau</li> <li>8) Penguatkuasa undang-undang dan agensi-agensi kerajaan sebagaimana yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, yang diberi kuasa oleh mana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi kewajipan kepada pihak berkuasa.</li> </ol> <p>Peserta dan Orang Yang Dilindungi perlu mengemaskini semua Data Peribadi tersebut kepada Kami sebaik sahaja ia praktikal.</p> <p>Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung bagi Data Peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap yang diberikan kepada Kami.</p> <p>Kami mungkin dari semasa ke semasa meminta Peserta dan Orang Yang Dilindungi untuk memberikan Data Peribadi lain yang berkaitan dengan Sijil.</p> <p>Sebelum memberikan Kami dengan Data Peribadi mana-mana individu, Peserta atau Orang Yang Dilindungi yang memberikan Data Peribadi hendaklah memaklumkan individu tersebut mengenai notis privasi Kami.</p> <p>Untuk butiran terperinci notis privasi mengenai bagaimana Kami mengumpul, menggunakan, memproses, melindungi dan mendedahkan Data Peribadi, sila kunjungi cawangan Kami, hubungi Etiqa Oneline di 1-300-13-8888, atau merujuk ke laman web Kami di <a href="http://www.etiqa.com.my">www.etiqa.com.my</a>.</p>
<b>Tanggungjawab untuk mengambil langkah sewajarnya dan tidak membuat salah nyataan</b>	<p>Ia adalah tanggungjawab Peserta dan Orang Yang Dilindungi untuk mengambil langkah sewajarnya untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan atau membuat pendedahan, semasa:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Membuat permohonan;</li> <li>2) Jika mengembalikan semula tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Sijil;</li> <li>3) Jika Sijil dipinda; dan</li> <li>4) Jika Kami memerlukan pengesahan mengenai jawapan atau pengakuan yang telah diberikan sebelum ini.</li> </ol> <p>Tanggungjawab ini hendaklah berterusan sehingga Tarikh Permulaan Sijil, atau tarikh kuatkuasa bagi perubahan berikutnya.</p> <p>Sekiranya Kami mengenal pasti salah nyataan dalam tempoh dua (2) tahun dari Tarikh Permulaan, atau tarikh Pengembalian Semula yang terkini bagi Sijil ini, remedi dari Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan dikenakan.</p> <p>Kami hanya boleh mencabar Sijil bagi salah nyata lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Permulaan, atau tarikh Pengembalian Semula yang terkini bagi Sijil ini, jika Kami dapat membuktikan yang Peserta atau Orang Yang Dilindungi menyembunyikan atau menipu dalam mengemukakan Maklumat Material, yang mana jika diketahui oleh Kami, akan membawa kepada keengganahan Kami untuk mengeluarkan Sijil, atau mungkin mendorong Kami mengenakan terma dan syarat yang kurang memihak daripada yang dikenakan di dalam Sijil. Dalam keadaan sedemikian remedi dari Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan dikenakan.</p>
<b>Maklumat Material tidak didedahkan atau disalah nyata</b>	<p>Sekiranya Kami menamatkan Sijil ini kerana salah nyata atau tidak mendedahkan Maklumat Material, dalam keadaan sedemikian remedi dari Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan dikenakan.</p>

<b>Hak Kami untuk melaraskan terma-terma bagi salah nyataan umur atau jantina</b>	<p>Jika umur atau jantina Orang Yang Dilindungi telah tersilap nyata, yang menyebabkan kekurangan Sumbangan, maka Jumlah Yang Dilindungi bagi Orang Yang Dilindungi tersebut, akan dikurangkan berdasarkan kepada jumlah yang setara dengan umur dan jantina yang betul.</p> <p>Jika salah nyataan bagi umur atau jantina terhadap Orang Yang Dilindungi menyebabkan lebihan Sumbangan, maka Kami akan membayar balik lebihan tersebut kepada Peserta.</p> <p>Pelarasan terhadap Jumlah Yang Dilindungi atau bayaran balik tersebut akan berdasarkan kepada kadar Sumbangan Kami yang berkuatkuasa pada Tarikh Permulaan.</p> <p>Jika Orang Yang Dilindungi tidak layak untuk mendapat perlindungan Takaful pada umur dan/atau jantina yang betul, Sijil akan diisyiharkan tidak sah. Kami akan memulangkan jumlah Sumbangan yang dibayar tanpa sebarang amaun tambahan, setelah menolak sebarang lebihan DRP dan/atau Manfaat yang telah dibayar.</p>
<b>Hak Kami untuk pengecualian dan bukan pengecualian hak</b>	<p>Kelewatan atau kegagalan Kami untuk melaksanakan atau menguatkuasakan apa-apa hak di bawah Sijil, tidak akan dianggap sebagai pengecualian mana-mana hak, atau penamatkan hak-hak tersebut. Pengecualian sebarang hak oleh Kami hanya sah apabila disahkan secara bertulis dengan syarat kelewatan atau kegagalan untuk melaksanakan atau menguatkuasa masih dalam tempoh batasan statutori berdasarkan undang-undang berkaitan.</p>
<b>Hak untuk menamakan Manfaat Takaful</b>	<p>Sekiranya Peserta adalah Orang Yang Dilindungi, Peserta Sijil boleh menamakan seseorang untuk menerima Manfaat Takaful yang akan dibayar apabila berlaku kematian Orang Yang Dilindungi, sama ada sebagai wasi untuk mengagihkan Manfaat Takaful yang perlu dibayar kepada harta pusaka Peserta mengikut undang-undang yang berkenaan, atau sebagai beneficiari di bawah Hibah Bersyarat.</p> <p>Penamaan mesti berdaftar dengan Kami, dan boleh dibuat:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Semasa permohonan dibuat; atau</li> <li>2) Dengan Memaklumkan kepada Kami secara bertulis, pada bila-bila masa selepas Sijil dikeluarkan.</li> </ol> <p>Peserta boleh menentukan bahagian pengagihan Manfaat Takaful untuk dibayar kepada setiap wasi atau beneficiari. Jika tiada arahan pengagihan diterima, Kami akan membayar wasi atau beneficiari secara sama rata.</p> <p>Penamaan beneficiari di bawah Hibah Bersyarat hendaklah, tanpa mengambil kira mana-mana undang-undang bertulis, mempunyai kesan terhadap pemindahan hak terhadap Manfaat Takaful yang akan dibayar kepada beneficiari apabila berlakunya kematian Peserta. Pemindahan Manfaat Takaful tersebut tidak akan membentuk sebahagian daripada harta pusaka Peserta, atau tertakluk kepada hutang mereka.</p> <p>Apabila Manfaat Takaful dibayar, Kami dilepaskan daripada apa-apa liabiliti selanjutnya di bawah Sijil ini.</p>
<b>Hak untuk membatalkan penamaan</b>	<p>Penamaan akan dibatalkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Apabila Penama meninggal dunia, atau jika terdapat lebih daripada seorang Penama, kesemua Penama meninggal dunia semasa Anda masih hidup;</li> <li>2) Melalui notis bertulis daripada Peserta kepada Kami; atau</li> <li>3) Melalui penamaan berikutnya yang dilakukan oleh Peserta kepada Kami.</li> </ol> <p>Tertakluk kepada perkara di atas, penamaan tidak akan dibatalkan melalui wasiat atau dengan apa-apa tindakan, peristiwa atau cara-cara lain.</p> <p>Sekiranya terdapat lebih daripada satu Penama dan salah seorang daripada Penama yang dinamakan sebagai beneficiari di bawah Hibah Bersyarat meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Peserta, Kami akan membayar bahagian Penama yang telah meninggal dunia kepada estet Peserta tersebut jika Peserta meninggal dunia, kecuali jika Peserta telah membuat penamaan bagi menggantikan bahagian Penama yang telah meninggal dunia tersebut.</p>

## MANFAAT TAKAFUL

<b>Proses tuntutan dan bagaimana membuat tuntutan</b>	<p>Pihak Menuntut hendaklah memaklumkan kepada Kami mengenai suatu tuntutan bagi apa-apa Manfaat Takaful dengan menulis ke alamat Kami, dalam tempoh masa pemberitahuan notis. Pemberitahuan tuntutan mestilah termasuk mengemukakan bukti umur Orang Yang Dilindungi seperti salinan kad pengenalan, pasport, dan dokumen-dokumen tuntutan yang lain. Tempoh notis tuntutan dan pendokumenan tuntutan adalah khusus kepada jenis Manfaat Takaful mengikut terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil.</p> <p>Notis tuntutan boleh dikemukakan selepas tempoh masa pemberitahuan notis, jika ia boleh dibuktikan notis tersebut telah diserahkan seberapa segera yang mungkin.</p> <p>Sekiranya sebarang bantuan diperlukan apabila membuat tuntutan, Pihak Menuntut perlu menghubungi Etiqa Oneline di 1-300-13-8888.</p> <p>Dokumen tambahan mungkin akan diminta oleh Kami semasa Pihak Menuntut memaklumkan Kami mengenai tuntutan, atau selepas penilaian awal dokumen yang disertakan dengan borang tuntutan. Pihak Menuntut akan dimaklumkan secara bertulis mengenai sebarang keperluan dokumen tambahan.</p> <p>Dokumen bagi menyokong tuntutan hendaklah disediakan atas tanggungan Pihak Menuntut.</p> <p>Setelah semua dokumen diterima oleh Kami, Kami akan menerima atau menolak tuntutan untuk Manfaat Takaful mengikut terma-terma dan syarat-syarat Sijil. Keputusan tuntutan oleh Kami akan dimaklumkan kepada Pihak Menuntut secara bertulis. Kami berhak untuk menolak apa-apa caj yang berkenaan dan amaun tertunggak yang terhutang kepada Kami sebelum membayar tuntutan bagi Sijil ini.</p>
---	---

### (I) MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL

<b>Manfaat Takaful yang dibayar atas penyakit kritikal</b>	<p>Sekiranya Sijil masih Berkuatkuasa, apabila Orang Yang Dilindungi didiagnosis mana-mana satu (1) penyakit kritikal yang dilindungi (kecuali Kanser Berperingkat Awal, Angioplasti atau Rawatan Pembedahan Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari, Penyakit Mental Teruk dan Komplikasi Diabetes Mellitus) yang disenaraikan dalam <b>Lampiran 1 - Definisi Penyakit Kritikal</b>, jumlah berikut akan dibayar secara sekaligus:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Jumlah Yang Dilindungi; dan</li> <li>2) Sebarang lebihan DRP telah diperuntukkan untuk Sijil.</li> </ol>
<b>Had Pembayaran (untuk Kanser Berperingkat Awal, Angioplasti atau Rawatan Pembedahan Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari, Penyakit Mental Teruk dan Komplikasi Diabetes Mellitus)</b>	<p>Kami akan membayar sepuluh peratus (10%) daripada Jumlah Yang Dilindungi Sijil, sehingga maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu (RM25,000), setelah Orang Yang Dilindungi, untuk pertama kalinya,</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Menghidapi Kanser Berperingkat Awal;</li> <li>2) Menjalani Angioplasti atau Rawatan Pembedahan Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari;</li> <li>3) Menghidapi Penyakit Mental Teruk;</li> <li>4) Menghidapi Komplikasi Diabetes Mellitus.</li> </ol> <p>Anda dibenarkan membuat satu (1) tuntutan sahaja untuk setiap daripada empat (4) penyakit kritikal. Sekiranya berlaku had pembayaran di bawah Manfaat diatas, Jumlah Yang Dilindungi Sijil akan dikurangkan oleh jumlah yang dibayar.</p>
<b>Syarat-syarat bagi Manfaat penyakit kritikal yang perlu dibayar</b>	<p>Kami hanya akan membayar Manfaat penyakit kritikal jika:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Orang Yang Dilindungi masih hidup sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari selepas didiagnosis dengan penyakit kritikal;</li> <li>2) Penyakit kritikal yang dilindungi berlaku tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Dikeluarkan Sijil;</li> <li>3) Penyakit kritikal berikut hanya dilindungi enam puluh (60) hari selepas Tarikh Dikeluarkan Sijil: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Kanser;</li> <li>b) Penyakit Koronari Hati yang Memerlukan Pembedahan;</li> <li>c) Sakit Jantung; dan</li> <li>d) Penyakit Koronari Arteri Serius yang lain.</li> </ul> </li> <li>4) Orang Yang Dilindungi didiagnosis dengan penyakit kritikal buat kali pertama; dan</li> <li>5) Diagnosis atau kejadian penyakit kritikal yang dilindungi memenuhi <b>Definisi Penyakit Kritikal</b>.</li> </ol>
<b>Pengecualian</b>	<p>Sijil tidak melindungi penyakit kritikal yang berlaku disebabkan kejadian atau keadaan berikut, secara langsung atau tidak langsung:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Keadaan Sedia Ada;</li> <li>2) Kecederaan diri yang disengajakan ketika Siuman;</li> <li>3) Penggunaan alkohol, ubat-ubat atau narkotik tanpa preskripsi atau yang menyalahi undang-undang; atau</li> </ol>

	4) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), komplikasi berkaitan AIDS, atau jangkitan yang disebabkan oleh Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) kecuali mana-mana yang dilindungi.
<b>Notis tuntutan untuk penyakit kritikal</b>	<p>Anda mesti memberikan Kami notis bertulis mengenai tuntutan berkenaan penyakit kritikal dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Diagnosis atau Pembedahan.</p> <p>Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh tersebut tidak akan membatalkan sebarang tuntutan jika boleh ditunjukkan bahawa tidak munasabah untuk memberikan notis tersebut dalam tempoh itu dan notis itu telah diberikan dengan seberapa segera yang munasabah.</p>
<b>Terma-terma penyelesaian untuk Manfaat penyakit kritikal</b>	Apabila pembayaran penuh Jumlah Yang Dilindungi di bawah Sijil ini telah dibuat, Kami dilepaskan daripada apa-apa liabiliti selanjutnya berkenaan dengan Sijil tersebut.

## (II) MANFAAT PENJAGAAN KANSER

<b>Manfaat yang dibayar atas penjagaan kanser</b>	Semasa Sijil ini Berkuatkuasa, apabila Orang Yang Dilindungi didiagnosis Kanser seperti yang disenaraikan dalam <b>Definisi Penyakit Kritikal</b> , tambahan sebanyak lima puluh peratus (50%) daripada Jumlah Yang Dilindungi akan dibayar, di atas Manfaat penyakit kritikal.
<b>Syarat-syarat bagi Manfaat penjagaan kanser yang perlu dibayar</b>	<p>Kami hanya akan membayar Manfaat penjagaan kanser jika:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Orang Yang Dilindungi masih hidup sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari selepas didiagnosis dengan kanser;</li> <li>2) Kanser tersebut didiagnosis enam puluh (60) hari selepas Tarikh Dikeluarkan Sijil; dan</li> <li>3) Orang Yang Dilindungi didiagnosis dengan kanser buat kali pertama.</li> </ol>
<b>Pengecualian</b>	<p>Kami tidak akan membayar Manfaat penjagaan kanser sekiranya keadaan kanser tersebut disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kejadian atau keadaan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Keadaan Sedia Ada;</li> <li>2) Kecederaan diri yang disengajakan ketika Siuman;</li> <li>3) Penggunaan alkohol, ubat-ubat atau narkotik tanpa preskripsi atau yang menyalahi undang-undang; atau</li> <li>4) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), komplikasi berkaitan AIDS, atau jangkitan yang disebabkan oleh Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) kecuali mana-mana yang dilindungi.</li> </ol>

## (III) ELAUN TUNAI PENYAKIT BERJANGKIT

<b>Manfaat yang dibayar bagi elaun tunai penyakit berjangkit</b>	<p>Sekiranya Sijil ini masih Berkuatkuasa, Kami akan membayar sekaligus Ringgit Malaysia Tiga Ratus (RM300), jika Orang Yang Dilindungi didiagnosis dengan penyakit berjangkit berikut dan dimasukkan ke hospital di Malaysia sekurang-kurangnya selama dua puluh empat (24) jam:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) COVID-19;</li> <li>2) Denggi; atau</li> <li>3) Sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.</li> </ol> <p>Manfaat ini dibayar sekali bagi setiap Tahun Sijil, sehingga dua (2) kali sepanjang tempoh Sijil, tertakluk kepada Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) setiap Orang Yang Dilindungi di bawah semua sijil-sijil Etiqa Critical Care Takaful Plus yang dikeluarkan oleh Kami.</p> <p>Selepas pembayaran penuh Manfaat ini, Kami akan dilepaskan dari sebarang liabiliti selanjutnya di bawah Manfaat ini.</p>
<b>Pengecualian elaun tunai penyakit berjangkit</b>	<p>Kami tidak akan membayar apa-apa elaun tunai penyakit berjangkit jika keadaan penyakit berjangkit disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau wujud bersama dengan keadaan berikut dimana:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Gejala mana-mana penyakit berjangkit mula kelihatan sebelum atau dalam tempoh enam puluh (60) hari pertama perlindungan berterusan dari Tarikh Dikeluarkan Sijil;</li> <li>2) Penyakit berjangkit berpunca secara langsung atau tidak langsung dari mana-mana Keadaan Sedia Ada;</li> <li>3) Sejarah penyalahgunaan dadah, bahan atau alkohol bagi Orang Yang Dilindungi;</li> <li>4) Perang (sama ada diisyiharkan atau tidak), revolusi, serangan oleh negara asing, atau pencerobohan; atau</li> <li>5) Kewujudan jangkitan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS)/Virus Imunodefisiensi Manusia (HIV).</li> </ol>
<b>Notis tuntutan</b>	Anda mesti memberikan Kami notis bertulis mengenai tuntutan elaun tunai penyakit berjangkit dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Diagnosis.

	Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh tersebut tidak akan membatalkan sebarang tuntutan jika boleh ditunjukkan bahawa tidak munasabah untuk memberikan notis tersebut dalam tempoh itu dan notis itu telah diberikan dengan seberapa segera yang munasabah.
--	--

## (IV) PENGAGIHAN LEBIHAN

<b>Pengagihan lebihan DRP</b>	<p>Lebihan dari DRP dan jumlah untuk diagihkan akan ditentukan setiap tahun. Apa-apa pengagihan lebihan DRP, diperuntukan untuk peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada dasar lebihan yang telah diluluskan oleh jawatankuasa Syariah Kami. Berdasarkan keizinan yang diberikan kepada Kami oleh Anda dan Peserta yang lain, Kami akan menguruskan DRP sesuai dengan kehendak Syariah dan dengan cara yang menjaga kepentingan para Peserta. Kami mempunyai budi bicara penuh untuk melakukan dan menentukan tindakan yang dianggap perlu untuk manfaat semua peserta dan DRP, termasuk tetapi tidak terhad kepada melaburkan, dan/atau mendapatkan takaful semula yang mencukupi, tertakluk kepada persetujuan jawatankuasa Syariah Kami dan keperluan kawal selia yang lain.</p> <p>Sekiranya berlaku apa-apa defisit dalam DRP atau DRP tidak mencukupi untuk memenuhi tanggungjawab Takaful, tiada lebihan akan diagihkan bagi tahun kewangan itu. Pada keadaan itu, defisit akan pertamanya dibayai oleh jumlah yang diperuntukkan bagi peruntukan luar jangkaan. Jika DRP masih defisit, Qard akan diaturkan dengan syarat ketidakcukupan tersebut bukan berpuncak daripada kecuaian Pengendali Takaful. Qard akan dibawa ke tahun kewangan yang berikutnya dan sebarang lebihan yang diperolehi selepas itu akan digunakan untuk membayar Qard. Jika ketidakcukupan adalah berpuncak daripada kecuaian Pengendali Takaful, Pengendali Takaful akan membuat pemindahan secara langsung bagi menampung ketidakcukupan tersebut.</p>
<b>Terma penyelesaian untuk pengagihan lebihan</b>	<p>Bahagian yang boleh diagihkan daripada apa-apa lebihan DRP akan diagihkan oleh Kami pada setiap tahun, dan adalah lima puluh peratus (50%) dibayar kepada Kami kerana mengendali dan menguruskan DRP, berasaskan kontrak Ju'alah, manakala baki lima puluh peratus (50%) dikongsi di antara Peserta yang mana Sijilnya masih Berkaukuasa, dan tidak membuat sebarang tuntutan terhadap Manfaat Takaful dalam tahun kewangan tersebut.</p>

## PERUNTUKAN SUMBANGAN, LUPUT DAN PENAMATAN

<b>Amaun Sumbangan dan tarikh genap tempoh</b>	<p>Amaun Sumbangan, Tarikh Permulaan, dan mod Sumbangan ditunjukkan dalam Sijil Takaful. Orang Yang Dilindungi mestilah masih hidup semasa Sumbangan pertama dibayar.</p> <p>Semua Sumbangan perlu dibayar terlebih dahulu pada Tarikh Permulaan dan seterusnya mengikut mod Sumbangan.</p> <p>Sekiranya terdapat lebihan Sumbangan, Kami akan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Mengembalikan lebihan Sumbangan tersebut kepada Anda setelah Kami tentukan jumlahnya; atau</li> <li>2) Membawa kehadapan lebihan bayaran ke tarikh genap tempoh Sumbangan yang berikutnya seperti yang Kami anggap sesuai.</li> </ol> <p>Kadar Sumbangan adalah tidak dijamin dan akan Kami berhak untuk mengubah kadar Sumbangan dengan memberikan notis tiga (3) bulan lebih awal. Terma-terma ini adalah seperti yang dipersetujui di antara Peserta dan Kami.</p>		
<b>Pembayaran Sumbangan dan Tempoh Tangguh</b>	<p>Sumbangan dibayar secara tahunan pada ulang tahun Tarikh Permulaan, dan dinyatakan di Sijil Takaful. Jika Sumbangan tidak dibayar dalam Tempoh Tangguh, Sijil akan lput selepas itu. Selepas Sijil Luput, Kami akan dilepaskan daripada sebarang liabiliti lanjut di bawah Sijil ini.</p>		
<b>Penolakan Fi Wakalah</b>	<p>Sebahagian daripada Sumbangan yang Anda bayar akan ditolak sebagai Fi Wakalah, bagi setiap tahun dan setiap Sijil. Baki Sumbangan akan diperuntukkan ke dalam DRP.</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="text-align: center;">Fi Wakalah (% daripada amaun Sumbangan tahunan)</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">25%</td> </tr> </table>	Fi Wakalah (% daripada amaun Sumbangan tahunan)	25%
Fi Wakalah (% daripada amaun Sumbangan tahunan)			
25%			
<b>Penamatian</b>	<p>Dalam keadaan dimana tiada Manfaat dituntut dan/atau tamat tempoh Sijil belum sampai, Sijil ini akan ditamatkan apabila:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Penamatian sijil Orang Utama Yang Dilindungi disebabkan oleh pembayaran penuh manfaat sijil beliau, manakala Sijil ini masih Berkaukuasa sampai akhir Tahun Sijil semasa; atau</li> <li>2) Tamat tempoh sijil Orang Yang Dilindungi.</li> </ol> <p>Apabila penamatian Sijil ini, Kami akan dilepaskan daripada sebarang liabiliti lanjut di bawah Sijil ini.</p>		

## ADUAN DAN PENYELESAIAN PERTIKAIAN

<b>Bagaimana untuk membuat aduan kepada Kami</b>	Jika Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan perkhidmatan Kami di bawah Sijil ini, sila tulis ke alamat pos Kami: Unit Pengurusan Aduan, Etiqa Family Takaful Berhad, Aras 6, Menara B, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, faksimili ke 03-2297 1919, atau e-mel ke <a href="mailto:complaint_cmu@etiqqa.com.my">complaint_cmu@etiqqa.com.my</a> . Nombor telefon Kami adalah 1-300-13-8888 (untuk pemanggil luar negara nombor talian adalah +603-2780 4500).
<b>Bagaimana untuk membuat aduan kepada pengawal selia kerajaan</b>	Jika Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan cara pengendalian Kami, sila tulis kepada BNM, termasuk butir-butir cara pengendalian, jenis pertikaian, nama Kami, nombor Sijil, dan apa-apa surat-menyurat di antara Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami. Sebarang surat-menyurat boleh dihantarkan ke BNM: Pengarah, Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah, Bank Negara Malaysia, Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur, atau faksimili ke 03-2174 1515, atau e-mel ke <a href="mailto:bnmlink@bnm.gov.my">bnmlink@bnm.gov.my</a> . Nombor telefon BNM adalah 1-300-88-5465.
<b>Bagaimana untuk menyelesaikan pertikaian melalui pengantara</b>	Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Peserta, sekiranya Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan keputusan Etiqa Family Takaful Berhad terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Etiqa Family Takaful Berhad untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi OPK melalui:  Emel : <a href="mailto:enquiry@ofs.org.my">enquiry@ofs.org.my</a> atau Faks : 603-2272 1577 atau Alamat Pos: Ketua Pegawai Eksekutif, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No.4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000, Kuala Lumpur.  Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Peserta boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat OPK. OPK perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad dari Etiqa Family Takaful Berhad berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Peserta. Untuk maklumat lanjut mengenai OPK, sila dapatkan risalah maklumat daripada Etiqa Family Takaful Berhad atau layari laman web OPK di <a href="http://www.ofs.org.my">www.ofs.org.my</a> . Penglibatan OPK adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut seksyen 138 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Menghubungi OPK tidak akan menjelaskan hak Pihak Menuntut atau Peserta untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Etiqa Family Takaful Berhad sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh OPK.
<b>Bagaimana untuk menyelesaikan pertikaian melalui penimbangtara</b>	Jika Pihak Menuntut atau Peserta mempertikaikan keputusan yang telah Kami buat berkaitan dengan Sijil ini, dan tidak mahu untuk menggunakan pengantara bagi pertikaian itu, atau tidak menerima keputusan OPK selepas pengantara, Pihak Menuntut atau Peserta boleh merujuk kepada penimbangtara. Permohonan untuk rujukan hendaklah dibuat dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada pemberitahuan keputusan tersebut.  Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami akan cuba untuk sama-sama bersetuju untuk melantik seorang Penimbangtara. Jika Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami tidak dapat bersetuju dengan seorang Penimbangtara dalam tempoh satu (1) bulan notis timbangtara, maka Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami perlu melantik seorang Penimbangtara bagi setiap pihak, dan kedua-dua Penimbangtara akan melantik seorang pengadil. Pengadil hendaklah bersidang bersama Penimbangtara dan mempengerusikan persidangan mereka. Semua pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh pihak-pihak berkenaan yang membuat pelantikan tersebut.  Penimbangtara (dalam hal di mana Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami bersetuju untuk seorang Penimbangtara), atau Penimbangtara-Penimbangtara dan pengadil (dalam hal di mana Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami tidak bersetuju dengan seorang Penimbangtara), hendaklah mengkaji semula pertikaian itu dan membuat keputusan. Keputusan timbangtara akan merangkumi penyelesaian pertikaian dan kos timbangtara. Keputusan timbangtara tidak boleh dipertikaikan dan mengikat kedua-dua pihak iaitu Pihak Menuntut atau Peserta dan Kami.

## LAMPIRAN 1 – DEFINISI PENYAKIT KRITIKAL

1.	<b>Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk</b>	<p>Kemerosotan atau hilang keupayaan intelektual yang disahkan dengan penilaian klinikal dan ujian imej diakibatkan oleh Penyakit Alzheimer atau Demensia Teruk yang disebabkan oleh kecelaruan otak organik yang tidak boleh pulih. Kejadian yang dilindungi ini mesti mengakibatkan pengurangan ketara fungsi mental dan sosial yang memerlukan pengawasan berterusan ke atas Orang Yang Dilindungi, Diagnosis mesti disahkan secara klinikal oleh Pakar neurologi.</p> <p>Berdasarkan definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Kecelaruan otak bukan organik seperti neurosis;</li> <li>2) Penyakit psikiatrik; dan</li> <li>3) Kerosakan otak berkaitan dadah atau alkohol.</li> </ol>
2.	<b>Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari</b>	<p>Menjalani Angioplasti Belon Arteri Koronari, arterektoni, rawatan laser atau memasukkan sten buat pertama kali untuk membetulkan satu (1) atau lebih arteri koronari yang sempit atau tersumbat seperti yang dibuktikan oleh angiografi.</p> <p>Prosedur penyiasatan intra-arteri adalah tidak dilindungi. Pembayaran di bawah klausa ini adalah terhad kepada sepuluh peratus (10%) daripada perlindungan Penyakit Kritikal di bawah Sijil ini tertakluk kepada jumlah maksimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu (RM25,000). Kejadian yang dilindungi akan dibayar sekali sahaja dan akan ditolak daripada amaun Sijil ini, sekali gus mengurangkan amaun bayaran sekaligus yang boleh dibayar.</p>
3.	<b>Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</b>	<p>Meningitis bakteria yang menyebabkan radang pada membran-membran otak atau saraf tunjang yang mengakibatkan kerosakan fungsi kekal. Kerosakan fungsi kekal mesti menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah digunakan.</p> <p>Diagnosis hendaklah disahkan oleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Seorang doktor pakar yang bersesuaian; dan</li> <li>2) Kehadiran jangkitan kuman (bakteria) di dalam cecair serebrospina oleh punktur lumbar.</li> </ol> <p>Untuk definisi di atas, lain-lain bentuk meningitis, termasuk meningitis viral adalah tidak dilindungi.</p>
4.	<b>Tumor otak Benign – keterukan tertentu</b>	<p>Tumor benign dalam otak atau meninges dalam tengkorak, di mana semua keadaan berikut dipenuhi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Ia mengancam nyawa;</li> <li>2) Ia menyebabkan kerosakan otak;</li> <li>3) It telah dibuang secara pembedahan ataupun ia telah menyebabkan defisit neurologi yang kekal dengan simptom klinikal berterusan; dan</li> <li>4) Kewujudannya mesti disahkan oleh pakar neurologi atau pakar bedah neurologi dan disokong oleh imbasan MRI, CT atau teknik-teknik pengimajian lain yang boleh dipercayai.</li> </ol> <p>Berikut adalah tidak dilindungi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Sista;</li> <li>2) Granuloma;</li> <li>3) Kecacatan dalam atau pada arteri atau vena otak;</li> <li>4) Hematoma;</li> <li>5) Tumor di dalam kelenjar pituitary;</li> <li>6) Tumor di dalam tulang belakang; dan</li> <li>7) Tumor saraf akustik.</li> </ol>
5.	<b>Buta – Kekal dan Tidak boleh Pulih</b>	<p>Kehilangan penglihatan kekal dan tidak boleh pulih akibat kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap apabila diuji menggunakan alat bantuan penglihatan, penglihatan diukur pada 3/60 atau lebih teruk untuk kedua-dua belah mata menggunakan carta mata Snellen atau ujian yang setara dan keputusan tersebut mestilah disahkan oleh pakar oftalmologi.</p>
6.	<b>Pembedahan Otak</b>	<p>Menjalani pembedahan ke atas otak di mana kraniotomi (pembedahan bukaan tengkorak) dilakukan di bawah anestesia am.</p> <p>Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Prosedur lubang gerudi (burr hole);</li> <li>2) Prosedur transfenoid;</li> <li>3) Prosedur bantuan endoskopik atau lain-lain prosedur invasif secara minimum; dan</li> <li>4) Pembedahan otak akibat kemalangan.</li> </ol>

7.	<b>Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal</b>	<p>Sebarang tumor malignan yang didiagnos positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukimia, limfoma dan sarcoma.</p> <p>Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Semua kanser yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai berikut:           <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Pra-malignan;</li> <li>b) Bukan invasif;</li> <li>c) Karsinoma in situ;</li> <li>d) Mempunyai malignan pinggiran (borderline);</li> <li>e) Mempunyai potensi malignan;</li> </ol> </li> <li>2) Semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);</li> <li>3) Semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);</li> <li>4) Semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);</li> <li>5) Leukimia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3;</li> <li>6) Semua kanser dengan kewujudan HIV; dan</li> <li>7) Sebarang kanser kulit selain melanoma malignan.</li> </ol>
8.	<b>Kardiomiopati – keterukan tertentu</b>	<p>Diagnosis muktamad kardiomiopati oleh pakar kardiologi yang menyebabkan kerosakan fungsi ventrikel kekal dan menyebabkan kerosakan fizikal kekal pada sekurang-kurangnya klasifikasi kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) mengenai kerosakan jantung. Diagnosis hendaklah disokong oleh hasil penemuan ekokardiografik untuk prestasi ventrikel yang dikompromi. Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:</p> <p>Kelas III – Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom-simptom.</p> <p>Kelas IV – Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom-simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.</p> <p>Kardiomiopati yang berkait langsung dengan penyalahgunaan alkohol atau dadah adalah tidak dilindungi.</p>
9.	<b>Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang</b>	<p>Kegagalan kekal dan tidak boleh pulih sumsum tulang yang menyebabkan anemia, neutropenia dan trombositopenia memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) daripada rawatan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Tranfusi produk darah berkala;</li> <li>2) Agen perangsang sumsum;</li> <li>3) Agen imunosupresif; atau</li> <li>4) Transplan sumsum tulang.</li> </ol> <p>Diagnosis 11. mesti disahkan oleh biopsi sumsum tulang.</p>
10.	<b>Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan</b>	<p>Keadaan tidak sedar diri tanpa sebarang gerak balas atau tindak balas terhadap rangsangan luar atau keperluan dalaman, yang berterusan untuk sekurang-kurangnya sembilan puluh enam (96) jam, memerlukan penggunaan sistem sokongan hayat dan mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah digunakan. Pengesahan oleh pakar neurologi mesti dikemukakan.</p> <p>Berikut adalah tidak dilindungi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Koma diakibatkan langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah.</li> </ol>
11.	<b>Pembedahan Pintasan Arteri Koronari</b>	<p>Merujuk kepada pembedahan bukaan dada sebenar untuk memulihkan atau merawat Penyakit Arteri Koronari (CAD) dengan cara cantuman pintasan arteri koronari.</p> <p>Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Angioplasti;</li> <li>2) Teknik intra-arteri yang lain atau teknik berdasarkan kateter;</li> <li>3) Prosedur lubang kunci (keyhole); dan</li> <li>4) Prosedur laser.</li> </ol>
12.	<b>Pekak – Kekal dan Tidak boleh pulih</b>	<p>Hilang Upaya mendengar secara kekal dan tidak boleh pulih akibat kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap kehilangan yang lebih daripada lapan puluh (80) desibel merentasi semua frekuensi pendengaran pada kedua-dua belah telinga. Bukti perubatan di dalam bentuk keputusan ujian audiometri dan ujian ambang bunyi mesti disediakan dan disahkan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).</p>

13.	<b>Komplikasi Diabetes Mellitus</b>	<p><b>1) Pembedahan untuk Retinopati Diabetes Jenis Kedua</b>            Diabetes retinopati proliferatif teruk sekunder sehingga Diabetes Mellitus Jenis kedua yang memerlukan salah satu rawatan daripada berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Fotokoagulasi laser pan-retinal</li> <li>b) Vitrektomi;</li> </ul> <p>Dimana rawatan fotokoagulasi laser pan-retinal atau vitrektomi telah dijalankan. Laporan terperinci oleh pakar mata yang bertugas mesti diserahkan.</p> <p><b>2) Amputasi Anggota akibat Komplikasi Diabetes Jenis Kedua</b>            Amputasi sebenar anggota badan (pada atau di atas aras pergelangan kaki/ pergelangan tangan) akibat Komplikasi Diabetes Mellitus Jenis kedua. Laporan oleh pakar bedah yang bertugas mesti diserahkan.</p> <p>Pembayaran di bawah klausa ini adalah terhad kepada sepuluh peratus (10%) daripada perlindungan penyakit kritikal di bawah Sijil ini tertakluk kepada jumlah maksimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu (RM25,000). Kejadian yang dilindungi akan dibayar sekali sahaja dan akan ditolak daripada amaun Sijil ini, dan dengan ini akan mengurangkan amaun bayaran sekaligus yang boleh dibayar.</p>
14.	<b>Kanser Peringkat Awal</b>	<p><b>1) Karsinoma in situ (CIS)</b>            Karsinoma in situ bermakna pertumbuhan baru sel karsinomatosa secara bertumpuan dan berautonomi serta terhad kepada sel-sel di mana ia berasal dan belum menyebabkan serangan dan/atau pemusnahan tisu di sekitarnya. 'Serangan' bermaksud infiltrasi dan/atau pemusnahan aktif tisu normal di luar membran dasar.</p> <p>Diagnosis Karsinoma in situ mesti disokong dengan laporan histopatologi. Selain itu, Diagnosis Karsinoma in situ mestilah disahkan positif berdasarkan pemeriksaan mikroskopik tisu yang ditetapkan dan disokong oleh hasil biopsi. Diagnosis klinikal tidak memenuhi piawaian ini.</p> <p>Dalam kes uteri serviks, Pap smear sahaja tidak boleh diterima dan perlu disertakan dengan biopsi kon atau kolposkopi dengan biopsi serviks. Diagnosis klinikal atau pengelasan Serviks Intraepithelial neoplasia (CIN) yang melapor CIN I, CIN II dan CIN III (displasia teruk tanpa carcinoma in situ) tidak memenuhi definisi yang diperlukan dan dikecualikan secara khusus. CIS bukan Melanoma juga dikecualikan secara khusus. Perlindungan ini disediakan untuk kejadian pertama CIS sahaja.</p> <p><b>2) Kanser Pundi Kencing Peringkat Awal</b>            Mikrokarsinoma Papilar Pundi Kencing yang disokong laporan hispatologi.</p> <p><b>3) Leukemia Limfositik Kronik Peringkat Awal</b>            Leukemia Limfositik Kronik (CLL) RAI Tahap 1 atau 2. Peringkat CLL RAI 0 atau lebih rendah adalah dikecualikan.</p> <p><b>4) Kanser Prostat Peringkat Awal</b>            Kanser Prostat yang diterangkan secara histologi menggunakan Klasifikasi TNM sebagai T1a atau T1b atau T1c atau kanser-kanser prostat yang diterangkan menggunakan klasifikasi yang setara.</p> <p><b>5) Kanser Tiroid Peringkat Awal</b>            Kanser Tiroid yang diterangkan secara histologi dengan menggunakan Klasifikasi TNM sebagai T1N0M0.</p> <p>Pembayaran di bawah klausa ini adalah terhad kepada sepuluh peratus (10%) daripada perlindungan penyakit kritikal di bawah Sijil ini tertakluk kepada jumlah maksimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu (RM25,000). Kejadian yang dilindungi akan dibayar sekali sahaja dan akan ditolak daripada amaun Sijil ini, dan dengan ini akan mengurangkan amaun bayaran sekaligus yang boleh dibayar.</p>
15.	<b>Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</b>	<p>Keradangan teruk bahan otak, mengakibatkan kecacatan fungsian kekal. Kecacatan fungsian kekal mesti mengakibatkan ketidakupayaan untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah digunakan. Kejadian yang dilindungi mestilah disahkan oleh pakar neurologi.</p> <p>Ensefalitis dengan kewujudan jangkitan HIV adalah tidak dilindungi.</p>
16.	<b>Kegagalan Hati Tahap Akhir</b>	<p>Kegagalan hati tahap akhir dibuktikan oleh semua yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1) Jaundis kekal;</li> <li>2) Asites (lebihan cecair dalam kaviti peritoneal); dan</li> <li>3) Ensefalopati hepatis.</li> </ul> <p>Kegagalan hati berpunca dari alkohol atau penyalahgunaan dadah adalah tidak dilindungi.</p>

17.	<b>Penyakit Paru-paru Tahap Akhir</b>	Penyakit paru-paru tahap akhir yang menyebabkan kegagalan pernafasan kronik. Semua kriteria berikut mestilah dipenuhi: <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Keperluan rawatan oksigen berkala secara kekal;</li> <li>2) Gangguan kekal pada fungsi paru-paru dengan isi padu Ekspirasi Paksa (FEV) yang konsisten kurang daripada satu (1) liter pada saat pertama;</li> <li>3) Sesak nafas dalam keadaan rehat; dan</li> <li>4) Analisis Asas Gas Darah Arteri dengan tekanan oksigen separa sebanyak 55mmHg atau kurang.</li> </ol>
18.	<b>AIDS Dengan Gejala Penuh</b>	Manifestasi klinikal bagi AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) mesti disokong oleh keputusan positif ujian darah antibodi HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan satu ujian pengesahan. Sebagai tambahan, Orang Yang Dilindungi perlu mempunyai kiraan sel CD4 kurang daripada dua ratus (200) / $\mu\text{L}$ dan memenuhi satu (1) atau lebih kriteria berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Kehilangan lebih daripada sepuluh peratus (10%) daripada berat badan dalam tempoh enam (6) bulan atau kurang (sindrom susut badan);</li> <li>2) Sarkoma Kaposi;</li> <li>3) Radang Paru-paru Pneumocystis Carinii;</li> <li>4) Leukoensefalopati multifokal progresif;</li> <li>5) Tuberkulosis (batuk kering) aktif;</li> <li>6) Kurang daripada seribu (1000) Limfosit / <math>\mu\text{L}</math>; atau</li> <li>7) Limfoma Malignan.</li> </ol>
19.	<b>Hepatitis Viral Fulminan</b>	Nekrosis (kematian tisu hati) yang separa besar (sub-masif) kepada besar (masif) yang disebabkan oleh sebarang virus seperti yang dibuktikan oleh semua kriteria diagnostik yang berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Penyusutan saiz hati dengan pantas seperti yang disahkan oleh ultrasound abdomen;</li> <li>2) Nekrosis (kematian tisu) melibatkan keseluruhan lobula, meninggalkan hanya satu rangka retikulum;</li> <li>3) Ujian kefungsian hati yang semakin merosot; dan</li> <li>4) Jaundis yang semakin mendalam.</li> </ol> Jangkitan viral hepatitis atau status pembawa sahaja (termasuk tetapi tidak terhad kepada Hepatitis B dan Hepatitis C) tanpa kriteria diagnostik di atas adalah tidak dilindungi.
20.	<b>Serangan Jantung – keterangan tertentu</b>	Kematian otot jantung, disebabkan oleh kekurangan bekalan darah yang telah menyebabkan infarksi miokardium akut dengan semua bukti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Sejarah sakit dada tipikal;</li> <li>2) Perubahan ciri baru elektrokardiografik; dengan pembentukan salah satu daripada yang berikut: peningkatan atau penurunan ST, penyongsangan (inversi) gelombang T, patologi gelombang Q atau blok cabang berkas kiri; dan</li> <li>3) Peningkatan petunjuk kardium, termasuk CPK-MB melebihi tahap normal makmal yang diterima secara umum atau Troponin yang direkodkan berada di peringkat berikut atau lebih tinggi:             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Troponin T Kardium atau Troponin I Kardium <math>&gt; / = 0.5 \text{ ng/ml}</math></li> </ul> </li> </ol> Bukti mesti menunjukkan kejadian infarksi miokardium akut adalah pasti, yang mana seharusnya disahkan oleh pakar kardiologi atau pakar perubatan.           Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi: <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Kejadian sindrom koronari akut termasuk tetapi tidak terhad kepada angina tidak stabil; dan</li> <li>2) Peningkatan petunjuk kardium akibat daripada prosedur perkutaneus untuk penyakit arteri koronari.</li> </ol>
21.	<b>Pembedahan Injap Jantung</b>	Menjalani pembedahan jantung terbuka untuk menggantikan atau membaiki injap jantung disebabkan oleh kecacatan atau keabnormalan injap jantung.           Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi: <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Pumbaikan menerusi prosedur intra-arteri; dan</li> <li>2) Pumbaikan menerusi pembedahan lubang kunci atau lain-lain teknik yang serupa.</li> </ol>
22.	<b>Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah</b>	Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) melalui transfusi darah, dengan syarat semua keadaan berikut dipenuhi: <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Transfusi darah adalah keperluan dari segi perubatan atau diberi sebagai sebahagian daripada rawatan perubatan;</li> <li>2) Transfusi darah adalah diterima di Malaysia atau Singapura selepas kuatkuasa Sijil;</li> </ol>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>3) Sumber jangkitan adalah didapati daripada institusi yang memberikan transfusi darah atau institusi yang boleh mengesan punca darah yang dicemari HIV;</li> <li>4) Orang Yang Dilindungi tidak menghidap hemofilia; dan</li> <li>5) Orang Yang Dilindungi bukan ahli mana-mana kumpulan berisiko tinggi termasuk tetapi tidak terhad kepada pengguna dadah intravena.</li> </ul>
23.	<b>Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang</b>	Kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang dikemukakan sebagai kegagalan kronik tidak boleh pulih pada kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi, yang mengakibatkan dialisis secara berkala dimulakan atau transplan buah pinggang perlu dijalankan.
24.	<b>Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)</b>	Pengesahan oleh pakar yang bersesuaian mengenai kehilangan upaya untuk hidup berdikari dan mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunakan.
25.	<b>Hilang Keupayaan Bertutur</b>	Hilang keupayaan bertutur sepenuhnya, berkekalan dan tidak boleh pulih disebabkan oleh kecederaan atau penyakit. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunakan. Bukti perubatan untuk mengesahkan kecederaan atau penyakit kepada peti suara untuk menyokong kehilangan upaya ini mesti diberikan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT). Semua sebab yang berkaitan psikiatrik adalah tidak dilindungi.
26.	<b>Trauma Kepala Major (teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</b>	Kecederaan fizikal di kepala yang mengakibatkan kerosakan kekal terhadap fungsian yang disahkan oleh pakar neurologi. Kerosakan kekal fungsian mesti menyebabkan ketidakupayaan untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan digunakan.
27.	<b>Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang</b>	<p>Penerimaan transplan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1) Sumsum tulang manusia menggunakan sel stem hematopoietik didahului dengan ablasii sumsum tulang menyeluruh; atau</li> <li>2) Salah satu (1) daripada organ-organ manusia berikut: jantung, paru-paru, hati, buah pinggang, pankreas yang tidak dapat dipulihkan akibat kegagalan tahap akhir organ yang berkenaan.</li> </ul> <p>Lain-lain pemindahan sel stem adalah tidak dilindungi.</p>
28.	<b>Penyakit Sistik Medular</b>	Penyakit buah pinggang keturunan yang progresif dicirikan oleh kewujudan sista dalam medula, atrofi tubular dan fibrisis interstitial dengan manifestasi klinikal seperti anemia, poliuria dan kehilangan natrium dari ginjal, yang menyebabkan kegagalan ginjal kronik. Diagnosis mestilah disokong oleh biopsi ginjal.
29.	<b>Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan</b>	Diagnosis muktamad penyakit neuron motor oleh pakar neurologi dengan merujuk kepada atrofi otot tulang belakang, bulbar palsi progresif, sclerosis amiotrofik lateral atau sclerosis lateral utama. Mesti ada kekurangan neurologi kekal bersama dengan simptom klinikal berterusan.
30.	<b>Sklerosis Multipel</b>	Diagnosis muktamad sklerosis multipel oleh pakar neurologi. Diagnosis mestilah disokong oleh semua perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>1) Siasatan yang mengesahkan bahawa diagnosis adalah Sklerosis Multipel;</li> <li>2) Defisit neurologi berbilang yang menyebabkan kecacatan fungsi motor dan deria untuk tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan; dan</li> <li>3) Sejarah eksaserbasi dan peredaan bagi simptom-simptom yang disebut dan defisit neurologi yang didokumenkan dengan baik.</li> </ul>
31.	<b>Distrofi Otot</b>	Diagnosis muktamad Distrofi Otot oleh pakar neurologi dan mesti disokong oleh kesemua berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>1) Penampilan klinikal kelemahan otot yang progresif;</li> <li>2) Tiada penglibatan saraf tengah / periferal sebagai bukti untuk kehilangan gangguan sensor; dan</li> <li>3) Hasil penemuan ciri-ciri elektromiogram dan biopsi otot.</li> </ul> <p>Tiada manfaat akan dibayar di bawah Peristiwa Dilindungi sebelum Orang Yang Dilindungi mencapai umur dua belas (12) tahun tarikh lahir berikutnya.</p>
32.	<b>Virus Kurang Daya Tahan Manusia</b>	Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (hanya sekiranya Orang Yang Dilindungi merupakan Kakitangan Perubatan seperti yang didefinisikan di bawah), di mana ia dijangkiti akibat kemalangan yang berlaku semasa menjalankan tugas pekerjaan yang biasa dengan serokonversi (penukaran

	<b>(HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan</b>	serum) kepada jangkitan HIV yang berlaku dalam tempoh enam (6) bulan dari kemalangan. Sebarang kemalangan yang berpotensi menimbulkan tuntutan mestilah dilaporkan kepada Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari berlakunya kemalangan dengan disokong oleh ujian HIV yang negatif yang diambil dalam tempoh tujuh (7) hari dari kemalangan itu. "Kakitangan Perubatan" didefinisikan sebagai doktor (Doktor Perubatan Umum dan Doktor Pakar), pengamal perubatan tradisional, jururawat, paramedik, juruteknik makmal, doktor pergigian, jururawat pergigian, pekerja ambulans yang bekerja di pusat perubatan atau hospital atau klinik/poliiklinik pergigian di Malaysia. Doktor, pengamal perubatan tradisional, jururawat dan doktor pergigian mestilah berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.
33.	<b>Kelumpuhan Anggota</b>	Hilang penggunaan penuh, kekal dan tidak boleh pulih kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki, atau satu (1) tangan dan satu (1) kaki, akibat lumpuh disebabkan oleh penyakit atau kecederaan. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunakan.
34.	<b>Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</b>	Diagnosis muktamad Penyakit Parkinson oleh pakar neurologi di mana semua keadaan berikut dipenuhi: <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Tidak boleh dikawal dengan ubat-ubatan;</li> <li>2) Menunjukkan tanda-tanda kemerosotan progresif; dan</li> <li>3) Pengesahan ketidakupayaan kekal Orang Yang Dilindungi untuk melakukan tiga (3) atau lebih daripada Aktiviti Kehidupan Harian tanpa bantuan.</li> </ol> <p>Hanya penyakit Parkinson idiopatik sahaja yang dilindungi. Parkinson yang disebabkan oleh ubat-ubatan atau toksik adalah tidak dilindungi.</p>
35.	<b>Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterukan tertentu</b>	Diagnosis muktamad hipertensi pulmonari primer dengan pembesaran ketara ventrikel kanan yang ditentukan menerusi penyiasatan termasuk kateter jantung, yang menyebabkan kecacatan fizikal kekal sehingga tahap sekurang-kurangnya klasifikasi Kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) bagi kerosakan jantung. Hipertensi arteri pulmonari disebabkan oleh sebab-sebab lain adalah dikecualikan daripada manfaat ini. Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut: Kelas III - Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom-simptom. Kelas IV - Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom-simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.
36.	<b>Penyakit Arteri Koronari Serius</b>	Penyempitan lumen bagi Arteri Koronari Kanan (RCA), Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleks (tidak termasuk cabang-cabang), berlaku pada masa yang sama dengan minimum enam puluh peratus (60%) dalam setiap arteri seperti yang dibuktikan oleh arteriografi koronari (prosedur diagnostik bukan invasif adalah tidak dilindungi). Penyempitan sebanyak enam puluh peratus (60%) atau lebih pada Stem Utama Kiri akan dianggap sebagai penyempitan Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Areteri Sirkumfleks. Kejadian yang dilindungi akan dibayar tidak mengira samada sebarang bentuk pembedahan arteri koronari telah dijalankan atau tidak.
37.	<b>Penyakit Mental Teruk</b>	Diagnosis pasti oleh pakar psikiatri perunding daripada mana-mana yang berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Gangguan Afektif Bipolar;</li> <li>2) Keceluaran Episod Kemurungan Major;</li> <li>3) Skizofrenia; atau</li> <li>4) Keceluaran Skizoafektif.</li> </ol> <p>yang telah mengakibatkan Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke hospital di bawah jagaan pakar psikiatri perunding selama sekurang-kurangnya dua belas (12) malam berturut-turut dan semua kriteria berikut telah dipenuhi untuk tempoh minimum enam (6) bulan dari pelepasan hospital:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Orang Yang Dilindungi telah menjalani rawatan ubat psikiatri yang berterusan untuk mengawal simpton;</li> <li>2) Orang Yang Dilindungi telah mengikuti bulanan rawatan lanjut secara tetap dengan pakar psikiatri perunding; dan</li> <li>3) Meskipun rawatan ubat Orang Yang Dilindungi mempunyai simptom teruk kronik yang berterusan, mengakibatkan pengurangan berkesan dalam fungsi mental dan sosial yang memerlukan penyeliaan berterusan oleh pengasuh.</li> </ol> <p>Pembayaran di bawah klausu ini adalah terhad kepada sepuluh peratus (10%) daripada perlindungan penyakit kritis di bawah Sijil ini tertakluk kepada jumlah maksimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu (RM25,000). Kejadian yang dilindungi akan dibayar sekali sahaja dan akan ditolak daripada amanah Sijil ini, dan dengan ini akan mengurangkan amanah Bayaran Sekaligus yang boleh dibayar.</p>
38.	<b>Strok/Angin Ahmar –</b>	Kematian tisu otak akibat bekalan darah yang tidak cukup, pendarahan dalam tengkorak atau embolisasi dari satu sumber selain dari kranium yang mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan

	<b>mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan</b>	simptom klinikal berterusan. Diagnosis ini mesti berdasarkan kepada perubahan yang boleh dilihat pada imbasan CT atau MRI dan disahkan oleh seorang pakar neurologi. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan adalah digunakan. Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi: 1) Serangan iskemia sementara (TIA); 2) Simptom-simptom serebral yang disebabkan oleh migrain; 3) Kecederaan traumatis pada tisu otak atau salur-salur darah; dan 4) Penyakit vaskular yang memberi kesan terhadap mata atau saraf optik atau fungsi-fungsi vestibular.
39.	<b>Pembedahan Aorta</b>	Menjalani pembedahan menerusi torakotomi atau laporotomi (pembedahan bukaan dada atau abdomen) untuk membetulkan aneurisme aorta, sekatan aorta atau pembelahan aorta. Untuk definisi ini, aorta hendaklah bermaksud aorta di bahagian dada dan abdomen tetapi bukan cabangnya. Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi: 1) Angioplasti; 2) Lain-lain kaedah intra-arteri atau teknik berdasarkan kateter; 3) Prosedur lubang kunci yang lain; dan 4) Prosedur laser.
40.	<b>Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk</b>	Diagnosis muktamad Lupus Eritematosus Sistemik yang disahkan oleh Pakar reumatologi. Untuk definisi ini, kejadian yang dilindungi akan dibayar jika ia mengakibatkan Lupus Nefritis Jenis III hingga Jenis V, yang dibuktikan oleh biopsi ginjal. Bentuk lain seperti lupus diskoid, atau jenis lain dengan hematologi atau penglibatan sendi sahaja adalah tidak dilindungi. Klasifikasi Lupus oleh WHO: Jenis III - Glomerulonefritis Segmen Fokus Jenis IV - Glomerulonefritis Resap Jenis V – Glomerulonefritis
41.	<b>Penyakit Terminal</b>	Diagnosis muktamad sesuatu keadaan yang dijangka mengakibatkan kematian Orang Yang Dilindungi dalam tempoh dua belas (12) bulan. Orang Yang Dilindungi mestilah tidak lagi menerima rawatan aktif selain daripada untuk melegakan kesakitan. Diagnosis ini mestilah disokong dengan pengesahan bertulis daripada doktor pakar yang bersesuaian dan disahkan oleh doktor yang dilantik oleh Syarikat, dan pemfailan tuntutan mestilah sepanjang tempoh kelangsungan hidup Orang Yang Dilindungi.
42.	<b>Kelecuran Tahap Ketiga – keterukan tertentu</b>	Leucuran kulit tahap ketiga (iaitu ketebalan penuh) meliputi sekurang-kurangnya dua puluh peratus (20%) daripada jumlah kawasan permukaan badan.

## MUKADIMAH

<b>Tempoh Penilaian</b>	Bermaksud tempoh yang mana Pengendali Takaful akan menilai keadaan sebelum menentukan samada keadaan tersebut layak atau tidak dikira sebagai kekal. Tempoh penilaian adalah untuk jangka masa tempoh minimum yang dinyatakan dalam definisi yang berkaitan dan tidak akan lebih daripada dua belas (12) bulan (dengan syarat segala bukti yang diperlukan telah diserahkan).
<b>Tidak Boleh Pulih</b>	Bermaksud tidak boleh dipulihkan dengan sewajarnya oleh rawatan perubatan dan/atau prosedur pembedahan yang konsisten dengan piawaian semasa perkhidmatan perubatan yang boleh didapati di Malaysia.
<b>Kekal</b>	Bermaksud dijangka untuk kekal seumur hidup Orang Yang Dilindungi.
<b>Defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan</b>	Bermaksud simptom disfungsi dalam sistem saraf yang didapati semasa pemeriksaan klinikal dan dijangka kekal seumur hidup Orang Yang Dilindungi. Simptom-simptom yang dilindungi termasuk kebas, lumpuh, kelemahan setempat, dysarthria (kesukaran bertutur), aphasia (ketidakupayaan bertutur), dysphagia (kesukaran menelan), kecacatan visual, kesukaran berjalan, kekurangan koordinasi, tremor, sawan, demensia, delirium dan koma.

## LAMPIRAN 2 – DEFINISI PENYAKIT BERJANGKIT

<b>COVID-19</b>	Sekiranya terdapat gejala pernafasan aktif dan Diagnosis muktamad SARS-CoV-2 seperti yang disahkan oleh ujian disahkan di makmal rujukan dan diperakui oleh Pakar dan memerlukan
-----------------	--

	<p>Penghospitalan atau kuarantin di mana-mana pusat kurantin yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sekurang-kurangnya 24 jam berturut-turut.</p> <p>Pengesahan positif SARS-CoV-2 RNA melalui asai tindak balas rantai polymerase transkripsi terbalik (RT-PCR) yang disahkan oleh Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC), dengan pengesah di makmal rujukan.</p>
<b>Denggi</b>	<p>Permulaan akut demam gred tinggi atau dikaitkan dengan dua atau lebih daripada yang berikut: sakit kepala, skit retrol-orbital, myalgia, arthralgia, ruam dan manifestasi pendarahan ringan (epistaxis, gusi berdarah dan petechiae).</p> <p>Diagnosis dengan doctor yang merawat dan/atau keputusan ujian makmal denggi yang piawai diperlukan untuk pengesahan.</p>
<b>Sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang</b>	<p>Penyakit yang disebabkan oleh mikroorganisma seperti bakteria, virus, parasite dan kulat yang boleh merebak, secara langsung atau tidak langsung, dari satu orang ke orang lain, disebarluaskan melalui gigitan serangga atau haiwan, atau disebabkan oleh pengambilan makanan atau air yang tercemar.</p> <p>Diagnosis penyakit perlu disahkan oleh ujian yang disahkan di makmal rujukan yang diperakui oleh Pakar dan memerlukan Orang Yang Dilindungi menjalani kuarantin yang diwajibkan oleh undang-undang Malaysia. Orang Yang Dilindungi perlu dimasukkan ke Hospital di dalam Malaysia atau menjalani kuarantin di mana-mana pusat kuarantin yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sekurang-kurangnya selama 24 jam berturut-turut.</p>